

05/06/2002

Dr Siti Hasmah terima Ijazah Doktor Kehormat

SHAH ALAM, Selasa - Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Sains Kesihatan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada Konvokesyen ke-55 universiti itu di kampus induknya di sini, hari ini.

Ijazah berkenaan disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor UiTM sebagai pengiktirafan kepada sumbangan beliau dalam bidang kesihatan, terutama kesihatan ibu dan kanak-kanak di negara ini sejak merdeka.

Majlis penganugerahan itu turut disaksikan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Sultan Selangor yang juga Pro Canselor UiTM, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada majlis yang sama, Tuanku Syed Sirajuddin turut menyampaikan ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda dan diploma lepasan ijazah kepada 250 graduan Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur, Fakulti Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Fakulti Pengajian Maklumat, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka.

Yang di-Pertuan Agong dalam titahnya berkata, anugerah itu penghormatan yang tinggi daripada UiTM kepada Dr Siti Hasmah yang banyak berjasa, mengorbankan masa dan tenaga demi memajukan pendidikan dan amalan kesihatan wanita.

Katanya, Ijazah Kehormat yang julung kali diberikan universiti itu kepada wanita, diharap menjadi teladan kepada wanita Melayu untuk berkecimpung dalam bidang sains kesihatan.

Dr Siti Hasmah, 76, yang juga isteri Dr Mahathir sering mewakili negara dalam pelbagai seminar dan persidangan peringkat nasional dan antarabangsa berkaitan kesihatan keluarga, ibu dan anak selain menyumbangkan idea dalam bentuk penerbitan sejak 1960-an.

Beliau dilahirkan di Klang, Selangor menerima pendidikan tinggi di Universiti Malaya Singapura dalam jurusan perubatan pada 1947 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) pada 1955, iaitu antara kejayaan unggul wanita Melayu dalam bidang perubatan ketika itu.

Kerjaya perubatan beliau bermula di Hospital Besar Kuala Lumpur sebagai doktor pelatih antara dari 1955 hingga 1956 sebelum bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Besar Alor Star sehingga 1960.

Selepas itu, Dr Siti Hasmah mencatat sejarah sebagai wanita pertama yang menyandang jawatan Pegawai Perubatan Kedah Utara dan kemudian diamanahkan sebagai Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak di Pejabat Kesihatan Kedah Utara, Alor Star.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah berkata, ijazah yang diterimanya itu membuktikan institusi pengajian tinggi mengiktiraf kemampuan dan sumbangan wanita dalam bidang kesihatan di negara ini.

"Saya percaya lebih ramai wanita Melayu yang berjasa dan memberi sumbangan dalam pelbagai bidang kepada negara. Mereka juga layak menerima anugerah yang saya terima pagi ini," katanya.

Terdahulu dalam ucapan balasnya, Dr Siti Hasmah berkata, melalui strategi kemajuan kesihatan yang dirancang teliti dan teratur, kadar kematian ibu mengandung dapat dikurangkan dengan nisbah tujuh kematian setiap 1,000 kes kelahiran pada 1960-an kepada 20 kematian dalam 100,000

kes, ketika ini.

Katanya, negara juga perlu bersedia menghadapi cabaran untuk kesihatan warga tua yang dijangka terus meningkat dari tahun ke tahun kerana masalah kesihatan kronik mulai bertambah dan kos pengurusan jagaan mereka terus meningkat.

(END)